



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM.600-19/5/14 Jld. 6 (26)
Tarikh : 28 Februari 2018

DENGAN FAKS DAN POS

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

MAKLUMAN PEWARTAAN DAN PENGUATKUASAAN PERMIT IMPORT (e-PERMIT) DI BAWAH PERINTAH KASTAM (LARANGAN MENGENAI IMPORT) BAGI PENGIMPORAN POLYMYXIN TERMASUK COLISTIN

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat terdahulu Bahagian ini dengan rujukan KKM.600-19/5/14 Jld. 5 (9) bertarikh 14 Disember 2017.

2. Untuk makluman tuan/puan, *National Action Plan on Antimicrobial Resistance* telah disediakan di peringkat kebangsaan berdasarkan *Global Action Plan on Antimicrobial Resistance* oleh *World Health Organization (WHO)*. *National Antimicrobial Resistance Committee (NARC)* telah dibentuk melibatkan semua Kementerian, Jabatan, Institusi dan agensi yang berkepentingan bagi melaksanakan strategi tindakan berkaitan *National Action Plan on Antimicrobial Resistance*.

3. Sehubungan dengan itu, **polymyxin termasuk polymyxin B dan polymyxin E (colistin) telah disenaraikan ke dalam Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) (Pindaan) 2018 P.U.(A) 57 berkuatkuasa 1 Mac 2018** seperti dilampirkan bersama surat ini. Colistin atau polymyxin E adalah antibiotik pilihan akhir yang digunakan dalam rawatan manusia. Penyenaiaan ini adalah bagi memastikan penggunaan colistin adalah untuk kegunaan yang rasional dan optimum sama ada untuk kegunaan manusia atau veterinar

4. Oleh yang demikian, bermula 1 Mac 2018, setiap **pengimportan polymyxin termasuk polymyxin B dan polymyxin E (colistin)** seperti Lampiran A dalam semua bentuk sama ada bahan mentah, persediaan farmaseutikal atau persediaan lain termasuk dalam makanan untuk kegunaan veterinar perlu memohon **Permit Import (e-Permit)** dari Bahagian ini sebelum pengimportan dibuat. Pengimport polymyxin termasuk colistin perlu memastikan selain daripada memiliki lesen racun jenis A /B di bawah Akta Racun 1952 dan lesen mengimport produk berdaftar, pengimport juga perlu memohon **Permit Import (e-Permit)**. Syarikat

pengimport yang ingin memohon Permit Import (e-Permit) perlu berdaftar dan mendapatkan akses kepada sistem e-Permit melalui:

Dagang Net Technologies Sdn Bhd
Tower 3, Avenue 5, The Horizon Bangsar South,
No. 8, Jalan Kerinchi,
59200 Kuala Lumpur
Telefon : 03-27300200
Faks : 03-27132121

Careline
Tel : 1 300 133 133
Emel : careline@dagangnet.com

5. Untuk makluman tuan/ puan, Garis Panduan Umum Permohonan ePermit Import untuk polymyxin boleh diperolehi di laman sesawang www.pharmacy.gov.my pada bahagian Garis Panduan.

6. Pohon kerjasama tuan/puan untuk memaklumkan kepada ahli-ahli persatuan/ syarikat berkaitan. Segala kerjasama berkaitan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(TAN ANN LING) RPh. 1051

Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

LHI/nmr/sh

✉ nursyila@moh.gov.my / suriana_hanim@moh.gov.my

☎ +603 - 7841 3240/ 3648

☎ +603 - 7968 2251

- s.k.
- i) Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar
 - ii) Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
 - iii) Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit, KKM
 - iv) Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) – pohon panjangkan kepada pelesen di negeri tuan/puan
 - v) Pengarah Bahagian Regulatori Farmasi Negara
 - vi) Pengarah Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi
 - vii) Pengarah Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi
 - viii) Semua Timbalan Pengarah Penguatkuasa
 - ix) Semua pegawai Cawangan Pelesenan
 - x) Pegawai Dagang Net Technologies Sdn. Bhd.

LAMPIRAN A

PERINTAH KASTAM (LARANGAN MENGENAI IMPORT) (PINDAAN) 2018
P.U.(A) 57

Jadual Kedua

Bil	ITEM	KOD HS
1	Preparations of a kind used in animal feeding containing polymyxin including polymyxin B and polymyxin E (Colistin)	23.09
2	Organic Compounds of polymyxin including polymyxin B and polymyxin E (Colistin)	2941.90.00 00
3	Medicaments containing polymyxin including polymyxin B and polymyxin E (Colistin)	3003.20.00 3004.20.91 3004.20.99

SENARAI EDARAN

Presiden

Persatuan Farmasi Malaysia (MPS)

Wisma MPS, 16-2, Jalan OP 1/5,
1-Puchong Business Park,
Off Jalan Puchong,
47160 Puchong, Selangor.

Faks: 03-8070 0388

Tel : 03- 8079 1861

Presiden

Pharmaceutical Association of Malaysia (PhAMA)

C-18-2, Block C Seri Tegamas
3 2 Square (3 Two Square)
Jalan 19/1, 46300 Petaling Jaya, Selangor.

Faks: 03-7960 8324

Tel : 03-7960 8322/23

Presiden

Malaysian Organisation of Pharmaceutical Industries (MOPI)

Global Business & Convention Centre
Mezzanine Floor, Block A,
No. 8, Jalan 19/1, Section 19,
46300 Petaling Jaya, Selangor.

Faks: 03-7932 2730

Tel : 03-7931 9003

Presiden

Chemical Industries Council of Malaysia (CICM)

Wisma FMM, No. 3, Persiaran Dagang,
PJU 9, Bandar Sri Damansara,
52200, Kuala Lumpur.

Faks: 03-6277 6714

Tel: 03 6286 7200

Presiden

Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)

Wisma FMM, No. 3, Persiaran Dagang,
PJU 9, Bandar Sri Damansara,
52200, Kuala Lumpur

Faks: 03-6274 1266/ 7288

Tel : 03-62867200

Presiden

Persatuan Farmasi Komuniti Malaysia (MCPG)

Lot 2, Jalan Pendaftar U1/54,
Section U1, Temasya @ Glenmarie,
40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Emel: info@mcpng.org.my

Tel : 03-55699996 ext 335 OR ext 362

Presiden

Persatuan Veterinar Malaysia (VAM)

c/o Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 Putrajaya

Faks : 03-8888 6021

Tel : 03-8870 2000

Presiden

Persatuan Kesihatan dan Industri Permakanan Haiwan Malaysia (MAHNIA)

43, Jln SS 15/2A,
47500 Subang Jaya
Selangor

Faks : 03-5621 0668

Tel : 03-5621 6778 / 9778

Presiden

Malaysia Small Animal Veterinary Association (MSAVA)

113-B, Jalan Aminuddin Baki
Taman Tun Dr. Ismail
60000 Kuala Lumpur

Emel : msava.exco@gmail.com

Tel : 018-347 2276